

## Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada siapa yang meminatinya, silalah pula menyuntingnya.

### Untuk Urusan Kaum Muslimin

Adalah khalifah Umar bin Abdul Aziz yang terkenal paling adil di antara khalifah-khalifah Bani Umayyah mempunyai rekod yang paling bersih di dalam pemerintahannya.

Beliau tak pernah mengambil sesuatu apa pun daripada harta perbendaharaan negara (Baitulmal) sebagai gaji untuk menyara kehidupan dirinya dan anak-anaknya. sehingga beliau meninggal dunia tak ada apa-apa pusaka yang ditinggalkannya untuk anak-anaknya yang dua belas orang banyaknya — disebabkan oleh bersangatan amanahnya dan kejujurannya.

Di antara kebersihan rekodnya yang melambangkan pula kebersihan peribadinya iaitu:

Pada suatu malam, sedang beliau memerhatikan urusan rakyatnya di bawah sinaran cahaya lampu yang meneranginya, tiba-tiba datang seorang lelaki kepadanya. Orang itu telah menceritakan kepadanya perkara-perkara mengenai rumah tangganya.

Maka khalifah itu pun berkata kepadanya: “Padamkan lampu itu terlebih dahulu, kemudian barulah engkau bercerita. Kerana bahawasanya minyak lampu yang menerangi kita sekarang adalah hara dari Baitul-Mal kepunyaan kaum Muslimin”

\* \* \*

### Hadiah dari Jenis Rasuah

Pada suatu hari beliau telah diberi orang pula

hadiah buah epal tanaman negeri Lubnan yang dikatakan beliau pernah mengidam-idamkannya. Tetapi hadiah itu telah ditolaknyanya dan disuruh kembalikan kepada yang empunya.

Orang pun bertanya kepadanya: “Tidakkan pernah tuan mendengar, bahawasanya Rasulullah (S.A.W) memakan barang hadiah?”

Beliau menjawab: “Ada pun hadiah yang diterima Rasulullah (S.A.W) itu dari jenis halal, sedang yang ini dari jenis rasuah, hukum memakannya adalah haram”

\* \* \*

### Kesucian peribadi Ibrahim bin Adham

Adalah diceritakan, seorang wara' bernama “Ibrahim bin Adham” pada suatu hari telah berjalan melalui sebidang kebun buah-buahan di negeri “Bukhara” dia pun berhenti di tepi sebatang sungai. Tiba-tiba ternampak sebiji buah epal terapung-apung dihanyutkan air. Dia berkata dalam hatinya, buah ini tak berharga lagi, bagilah aku makan. Setelah dimakannya, timbullah was-was dalam hatinya memakan buah itu tidak seizin yang punya, maka terasa dirinya mesti minta halalkan dari tuan punya kebun.

Bila dia mengetuk pintu rumah orang yang berada dalam kebun itu, keluarlah seorang budak menanyakan apa hajatnya? Dia mengatakan hendak berjumpa tuan punya kebun. budak itu mengatakan yang punya kebun seorang perempuan,

lalu ditemukannya. Kemudian Ibrahim bin Adham berceritalah kepada perempuan itu tentang buah epal yang telah dimakannya dan meminta supaya dihalalkannya. Jawab perempuan itu: Sebenarnya kebun ini separuh kepunyaan saya dan separuh lagi kepunyaan Sultan, kemudian hak saya telah saya serahkan kepada baginda. Sekarang, bagina berada di negeri “Balh”

Mendengar itu Ibrahim bin Adham pergi ke Balh dengan susah payah, akhirnya dapat bertemu dengan Sultan yang sedang dalam perjalanan, lalu menceritakan halnya dan minta dihalalkan buah epal yang telah di makannya.

Sultan sangat takjub mendengar ceritanya dan amat kagum mengenangkan kesucian peribadinya dan sifat amanahnya, lalu baginda mengambilnya menjadi orang-orangnya.

\* \* \*

### Siapa berani memberi lebih?

Dalam masa pemerintahan Saiyidina Abu Bakr al-Siddiq R.A telah berlaku suatu kemarau panjang yang menyebabkan penduduk-penduduk Madinah terancam oleh kelaparan, kerana kekurangan makanan, sehingga mereka hanya menunggu-nunggu sahaja saatnya kematian.

Dalam saat yang begitu genting, tiba-tiba datanglah kāfilah kepunyaan Saiyidina Uthman bin ‘Affan R.A membawa gandum, kismis dan minyak, yang dibawa oleh kira-kira seribu ekor unta dari negeri Syam ke negeri Madinah, setibanya kafilah yang membawa benda-benda makanan itu di Madinah, lalu semuanya dipunggah di rumah Saiyidina Uthman.

Seketika itu juga, ramailah saudagar berkumpul di rumahnya untuk membeli makanan tersebut. Saiyidina Uthman bertanya kepada mereka:

“Berapa banyak agaknya keuntungan yang hendak kamu berikan kepada saya”

Setengah mereka menjawab: “Saya akan berikan keuntungan lima dirham bagi tiap-tiap makanan yang berharga satu dirham.”

Kata Saiyidina Uthman: “Saya mahu tiap-tiap satu dirham, keuntungannya lebih dari sepuluh kali ganda.”

Mereka menjawab: “Itu namanya keuntungan yang melampau.”

Kata Saiyidina Uthman pula: “Sesungguhnya Allah menjanjikan kepada saya akan memberikan sepuluh kali ganda bagi tiap-tiap satu dirham mengikut firmanNya di dalam al-Qur’an yang berbunyi: *Man jā’a bil-ḥasanati falahu ‘asyru amthālihā* yang ertinya “Sesiapa yang melakukan satu kebajikan, dia akan mendapat sepuluh kali kebajikan yang seumpamanya” jadi adakah di antara kamu yang berani membeli lebih dari saya?”

Mereka menjawab: “Kami tak sanggup.”

Kata Saiyidina Uthman: “Saya naik saksi, bahawasanya segala makanan ini saya sedekahkan!!” kemudian beliau telah membahagi-bahagikan makanan-makanan itu kepada sekalian fakir miskin yang ada di negeri Madinah pada masa orang-orang sangat berhajat kepadanya dan pasti akan membeli seberapa mahal harganya.

Perbuatan Saiyidina Uthman yang menggemparkan sejarah ini, adalah menunjukkan sifat dermawannya yang sangat disanjung tinggi oleh orang-orang Islam.

